
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

SBU342 - Institusi-Institusi Pembangunan Islam

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** daripada soalan berikut. Jawapan hendaklah TEPAT dan PADAT. Setiap soalan adalah 100 markah.

1. Secara ringkas, jawab semua soalan di bawah:
 - (i) Apakah yang dimaksudkan dengan institusi pembangunan berteraskan Islam?
 - (ii) Apakah perbezaan antara institusi pembangunan berteraskan Islam dengan institusi pembangunan lazim?
 - (iii) Senaraikan jenis-jenis institusi pembangunan berteraskan Islam di Malaysia.
 - (iv) Bagaimanakah prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam berfungsi dalam institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam?
2. Adakah kaedah-kaedah pengurusan pembangunan lazim sesuai diguna pakai dalam pengurusan institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam? Berikan alasan-alasan anda.
3. Perkara utama yang membezakan antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional ialah riba'. Antara dua bentuk perbankan ini, yang mana satukah yang menjadi pilihan anda? Sokong pilihan anda dengan hujah-hujah jitu.
4. Anda dilantik menjadi Pengurus Besar Perbadanan Wakaf Negeri Pulau Pinang dan ditugaskan membangunkan wakaf di negeri ini dengan sebaiknya. Secara terperinci,uraikan kaedah-kaedah anda memenuhi tugas ini.
5. Pengurusan zakat di Malaysia masih mempunyai beberapa masalah yang belum terungkai. Apakah masalah-masalah tersebut? Berikan cadangan bagaimana masalah-masalah tersebut dapat diatasi.
6. Dari pada kuliah-kuliah jemputan yang dianjurkan, pilih mana-mana SATU institusi dan bincangkan sumbangannya kepada pembangunan berteraskan Islam.